

**LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK untuk Polisi Insurans Penghospitahan dan Pembedahan Individu**  
MediGuard Premier, MediGuard Family dan MediGuard Lady

**NOTA PENTING: Sila baca Lampiran Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans Penghospitahan dan Pembedahan Individu. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma and syarat-syarat amnya.**

**1. Apakah perincian produk ini?**

Polisi ini memberi perlindungan terhadap perbelanjaan penghospitahan dan pembedahan yang dikenakan disebabkan oleh penyakit dan kecederaan yang dilindungi dibawah Polisi ini.

**2. Apakah perlindungan/manfaat yang diberikan?**

Sila rujuk Jadual Manfaat di dalam brosur produk.

Tempoh perlindungan adalah satu tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan setiap tahun melainkan anda telah berdaftar untuk membuat pembayaran secara berulang/ansuran dengan kami.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

**3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?**

Jumlah premium yang dikenakan bergantung kepada syarat pengunderaitan oleh pihak insurans. Sila rujuk Jadual Premium di dalam brosur produk.

Premium pembaharuan yang dibayar tidak dijamin dan Syarikat berhak menyemak semula kadar premium yang terpakai ketika pembaharuan itu dan pembaharuan tertakluk kepada pembaharuan bersyarat.

*Nota: Sila rujuk brosur untuk maklumat lengkap bagi Jadual Premium.*

**4. Berapa yuran dan caj yang perlu saya bayar?**

Yuran dan bayaran yang anda perlu bayar adalah:

Jenis	Amaun
Cukai Perkhidmatan	Tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia (jika berkenaan).
Duti Setem	RM10.00
Komisen ejen apabila melibatkan seorang pengantara	15% daripada premium

**5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang harus saya ambil perhatian?**

- MENURUT AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013, Seksyen 129, Jadual 9, Perenggan 5: Adalah menjadi kewajipan pengguna untuk mengambil penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan kepada penanggung insurans berlesen semasa menjawab apa-apa soalan yang diperlukan yang berkaitan dengan keputusan penanggung insurans samada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.
- Tempoh Bertenang – Anda boleh membatalkan Polisi dengan mengembalikan Polisi anda dalam tempoh 15 hari dari tarikh penyerahan Polisi. Anda layak menerima pulangan penuh premium yang telah dibayar tolak belanja perubatan yang ditanggung oleh Syarikat untuk mengeluarkan Polisi tersebut.
- Tempoh Tangguh – Kelayakan manfaat dalam Polisi akan bermula 30 hari selepas bermulanya tarikh Polisi kecuali kecederaan akibat kemalangan.
- Perlindungan akan tamat pada tarikh luput dan Syarikat Insurans tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang perbelanjaan yang terlibat selepas tarikh luput melainkan perlindungan diperbaharui.
- Bayaran Bersama Bilik Dan makan Dinaikkan – Jika Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital pada kadar Bilik & Makan yang diumumkan yang lebih tinggi daripada manfaat yang dia layak, Orang Yang Diinsuranskan hendaklah menanggung 20% daripada manfaat lain yang dia layak yang diterangkan dalam Jadual Manfaat tetapi terhad kepada had maksimum RM3,000 untuk setiap Hilang Upaya bagi pelan yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat dengan Had Tahunan Keseluruhan tidak melebihi RM100,000 atau terhad kepada had maksimum RM5,000 untuk setiap Hilang Upaya bagi pelan yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat dengan Had Tahunan Keseluruhan melebihi RM100,000.
- Sila simpan resit sebagai bukti pembayaran.
- Polisi akan dikeluarkan dalam tempoh 7 hari dengan dokumen yang penuh dan lengkap.

**Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)**  
**Dahulu Dikenali Sebagai AmGeneral Insurance Berhad**

Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights, 3 Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur.  
Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur, 50740 Kuala Lumpur.

**Tel: +603 2268 3333 Laman Sesawang: [www.kurnia.com](http://www.kurnia.com)**

(No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)

- Jika pelan telah ditukar daripada atau kepada syarikat insurans/pelan yang lain, manfaat dan terma yang sama mungkin tidak akan diberi dan bergantung kepada penilaian.
- Klausula Had Sekatan dan Pengecualian  
Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa manfaat di bawah Polisi ini jika perlindungan, pembayaran tuntutan tersebut atau manfaat tersebut mungkin mendedahkan Kami kepada sebarang sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.
- Klausula Pengecualian Kerugian Siber Terhadap (IUA 09-082)
  1. Tanpa mengambil kira sebarang peruntukan yang bertentangan dalam Polisi ini, Polisi ini mengecualikan sebarang Kerugian Siber.
  2. Kerugian Siber bermaksud sebarang kerugian, kerosakan, tanggungan, perbelanjaan, denda atau penalty atau apa-apa jumlah lain yang disebabkan secara langsung oleh:
    - 2.1 penggunaan atau pengendalian mana-mana Sistem Komputer atau Rangkaian Komputer;
    - 2.2 pengurangan atau kehilangan keupayaan untuk menggunakan atau mengendalikan mana-mana Sistem Komputer, Rangkaian Komputer atau Data;
    - 2.3 akses kepada, pemprosesan, penghantaran, penyimpanan atau penggunaan mana-mana Data
    - 2.4 ketidakmampuan untuk mengakses, memproses, menghantar, menyimpan atau menggunakan sebarang Data;
    - 2.5 sebarang ancaman atau sebarang penipuan berkaitan 2.1 hingga 2.4 di atas
    - 2.6 sebarang ralat atau pengabaian atau kemalangan berkenaan dengan mana-mana Sistem Komputer, Rangkaian Komputer atau Data.
  3. Sistem Komputer bermaksud mana-mana komputer, perkakasan, perisian, aplikasi, proses, kod, program, teknologi maklumat, sistem komunikasi atau peranti elektronik yang dimiliki atau dikendalikan oleh Pihak Diinsuranskan atau mana-mana pihak lain. Ini termasuk mana-mana sistem yang serupa dan sebarang kemasukan, pengeluaran atau peranti storan data atau sistem, peralatan rangkaian atau kemudahan sandaran yang berkaitan.
  4. Rangkaian Komputer bermaksud sekumpulan Sistem Komputer dan peranti elektronik lain atau kemudahan rangkaian yang disambungkan melalui satu bentuk teknologi komunikasi, termasuk internet, intranet dan rangkaian persendirian maya (VPN), membenarkan peranti pengkomputeran rangkaian untuk bertukar Data.
  5. Data bermaksud maklumat yang digunakan, diakses, diproses, dihantar atau disimpan oleh Sistem Komputer.

*Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak Polisi untuk senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat di bawah Polisi ini.*

**6. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah Polisi ini?**

Polisi ini tidak melindungi:

- Penyakit Sedia Ada;
- Penyakit Tertentu yang berlaku dalam tempoh 120 hari pertama bagi perlindungan berterusan;
- Tempoh Tangguh – apa-apa keadaan perubatan atau fizikal yang berlaku dalam tempoh 30 hari pertama perlindungan kecuali untuk kecederaan akibat kemalangan;
- Pembedahan plastik/kosmetik;
- Penyakit pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan oral kecuali apabila diperlukan Kecederaan Akibat Kemalangan pada gigi asli yang sihat;
- Apa-apa rawatan atau operasi pembedahan untuk keabnormalan atau kecacatan kongenital;
- Kehamilan, melahirkan anak, keguguran, menggugurkan kandungan;
- Psikotik, gangguan mental atau saraf;
- Sakit atau kecederaan yang timbul daripada apa-apa jenis perlumbaan;
- Belanja yang ditanggung untuk menukar jantina.

*Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah Polisi ini.*

**7. Bolehkah saya membatalkan Polisi ini dan bagaimana saya ingin membatalkannya?**

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberikan notis secara bertulis kepada Syarikat Insurans. Setelah pembatalan, anda layak menerima bayaran balik premium seperti jadual di bawah dengan syarat anda tidak pernah membuat sebarang tuntutan dibawah Polisi ini.

Tempoh Tidak Melebihi	Bayaran Balik Premium Tahunan
15 hari	90% (terpakai kepada pembaharuan sahaja)
1 bulan	80%
2 bulan	70%
3 bulan	60%
4 bulan	50%
5 bulan	40%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulan	20%
9 bulan	15%
10 bulan	10%
11 bulan	5%
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada bayaran balik

*Nota: Pembayaran balik premium yang dinyatakan di atas adalah dikecualikan sekiranya pembayaran premium secara ansuran.*

**8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan di dalam butiran perhubungan saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat apa-apa perubahan dalam maklumat perhubungan anda bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai tepat pada waktunya.

**9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan berkenaan insurans perubatan dan kesihatan ini, sila rujuk kepada buku panduan *insuranceinfo* mengenai 'Medical & Health Insurance', yang boleh didapati di mana-mana cawangan kami atau layari [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my)

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**Liberty General Insurance Berhad**

Liberty Insurance Tower  
CT9, Pavilion Damansara Heights  
3, Jalan Damanlela  
Pusat Bandar Damansara  
50490 Kuala Lumpur

Talian Bebas : 1 800 88 3833  
E-mel : [customer@kurnia.com](mailto:customer@kurnia.com)  
Laman Web : [www.kurnia.com](http://www.kurnia.com)

**10. Lain-lain jenis Perlindungan Insurans Serupa yang ada**

- MediGuard Supreme (Insurans Penghospitalkan dan Pembedahan) untuk individu dan keluarga.

**NOTA PENTING:**

**ANDA HARUS BERPUAS HATI YANG POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA SEBAIK MUNGKIN. ANDA SEPATUTNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dibekalkan dalam lampiran pemberitahuan ini diterbitkan pada 01/03/2024 dan adalah sah sehingga semakan berkala yang berikutnya.